



SIARAN MEDIA
MEDIA RELEASE
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
MINISTRY OF FINANCE MALAYSIA

KENYATAAN AKHBAR OLEH

YB MENTERI KEWANGAN II, DATO' SERI AHMAD HUSNI HANADZLAH

LEVI PEKERJA ASING

Kutipan levi pekerja asing telah diperkenalkan Kerajaan sejak tahun 1992 dan ditanggung sepenuhnya oleh pekerja asing. Pada prinsipnya, levi dikenakan kepada pekerja asing bagi menampung perbelanjaan besar yang ditanggung kerajaan ke atas kemudahan awam seperti klinik, jalan raya dan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang dinikmati mereka bersama warga Malaysia.

Mulai 1 April 2009, Kerajaan telah memutuskan supaya levi pekerja asing ditanggung sepenuhnya oleh majikan dan bukannya pekerja asing. Keputusan ini bertujuan untuk mengawal penggajian pekerja asing yang terlalu ramai pada ketika itu. Walau bagaimanapun, melalui langkah-langkah penambahbaikan yang diambil oleh Kerajaan seperti program 6P, pengurusan pekerja asing didapati lebih teratur dan terkawal.

Pada 1 Januari 2013, Kerajaan telah melaksanakan Dasar Gaji Minimum yang meliputi pekerja tempatan dan pekerja asing. Pelaksanaan gaji minimum telah meningkatkan gaji semua pekerja, yang secara puratanya antara 30% hingga 50% iaitu daripada purata gaji RM600 hingga RM700 sebulan meningkat kepada RM900 sebulan. Dengan pelaksanaan gaji minimum ini, semua pekerja termasuk pekerja asing akan dapat faedah-faedah lain seperti jumlah gaji kerja lebih masa yang lebih tinggi, menjadikan pendapatan keseluruhan secara purata mencapai RM1,200 hingga RM1,500 sebulan.

Bagi meringankan beban kos yang akan dihadapi, khususnya oleh majikan kecil dan sederhana, Jemaah Menteri pada hari ini telah bersetuju supaya dasar levi pekerja asing pada tahun 1992 dikuatkuasakan semula, iaitu dengan **levi ditanggung sepenuhnya oleh pekerja asing. Dasar ini akan dikuat kuasa serta-merta kepada pekerja asing baru atau pekerja asing yang ingin memperbaharui Pas Kerja, Pas Penggajian atau Pas Lawatan (Kerja Sementara).**

Langkah Kerajaan mengenakan levi kepada pekerja asing tidak akan membebankan mereka kerana kadar levi yang perlu dibayar adalah antara RM34.16 hingga RM154.16 sebulan berbanding dengan peningkatan gaji secara umumnya antara RM300 hingga RM500 sebulan.

Kementerian Kewangan

30 Januari 2013